

Pemilik dakwa tanah diceroboh

Tidak puas hati paip kumbahan ditanam tanpa kebenaran

SYAIRI SHAARI

TAMAN MELAWATI

Sepasang suami isteri mendakwa tanah milik mereka di Lot 5019, Jalan J2 di sini diceroboh apabila paip kumbahan najis dikesan dipasang di bawah tanah tersebut tanpa kebenaran.

Dakwa mereka, pencerobohan itu disedari apabila terdapat kesan korekan di atas tanah mereka pada 2010 dan dimaklumkan oleh jirannya bahawa terdapat kontraktor melakukan kerja-kerja penanaman dan pemasangan paip.

Pemilik tanah, Faridah N. Mohamad, 56, berkata, dia turut dimaklumkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bahawa terdapat paip dipasang di atas tanahnya ketika projek



Suami Faridah, Embong Ali melihat paip kumbahan merentasi sungai dan memasuki tanahnya.

perangkap sampah dibuat oleh jabatan berkenaan.

Menurutnya, susulan

itu, dia menghubungi pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan Indah Water

Konsortium (IWK) untuk menyiasat mengenainya dan IWK mengaku paip tersebut

adalah milik mereka walaupun sebelum ini menafikannya.

"Apabila saya berbincang dengan kontraktor IWK, mereka mendakwa tidak mengetahui bahawa tanah lapang tersebut mempunyai pemilik dan menyangka ia tanah kerajaan.

"Saya tidak berpuas hati dengan alasan ini dan sepatutnya ganti rugi dibayar di atas pencerobohan yang dilakukan ini. "Kontraktor IWK juga pernah menawarkan pampasan sebanyak RM5,000 tetapi saya menolaknya.

"Saya juga mempersoalkan bagaimana IWK tidak memeriksa dan mengenal pasti tanah milik siapa sebelum menanam paip tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui kelmarin.

Faridah berkata, dia berharap masalah dihadapinya itu dapat diselesaikan tanpa tindakan mahkamah.

Menurutnya, dia juga mahu pampasan sewajarnya diberikan pihak IWK kepadanya di atas pencerobohan tersebut.

Sementara itu, Pengurus Kawasan Unit Gombak IWK, Lawrence Dominic Nice ketika dimaklumkan dakwaan Faridah berkata, dia mengakui kontraktor IWK sebelum ini pernah menanam paip di tanah dimaksudkan tersebut kerana menyangka ia milik kerajaan.

"Bagaimanapun, tuan tanah tidak perlu lagi risau kerana pihak kontraktor telah mengalihkan paip tersebut selepas isu ini timbul," katanya.